

Sukan berkuda murah, mampu disertai rakyat — PM

UM 12 NOV 2001

PUTRAJAYA 11 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sukan berkuda adalah sukan yang mampu disertai oleh rakyat Malaysia dan ia tidak eksklusif kepada golongan tertentu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah berusaha untuk menggalakkan rakyat menyertai sukan berkuda atau equestrian dengan menyediakan pelbagai kemudahan serta kerjasama dari agensi-agensi kerajaan.

“Di Malaysia, sukan ini bukan sukan yang mahal (eksklusif) malah di negara lain, para diplomat tidak pernah berpeluang menaiki

kuda kerana kosnya yang mahal. Bagaimanapun di Malaysia, kos bagi sukan equestrian adalah amat murah,” katanya kepada pemberita selepas menyertai perlumbaan berkuda antarabangsa Tunggang Lasak 2001 anjuran Polis Diraja Malaysia dan Tenaga Nasional Bhd., di Universiti Tenaga di sini hari ini.

Pasukan Perdana Menteri yang disertai oleh Dr. Mahathir menduduki tempat kedua kategori pasukan Perdana Classic selepas menghabiskan perjalanan sejauh 17 kilometer, dengan catatan masa keseluruhan lima jam, 24 minit dan 14 saat.

Dr. Mahathir juga muncul pemenang ketiga individu Perdana Classic setelah menamatkan tunggangannya dalam masa satu jam, 48 minit dan empat saat.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyertai perlumbaan itu supaya dijadikan contoh oleh orang lain agar turut menyertai sukan yang menarik tersebut.

“Salah satu daripada (usaha kerajaan) ialah dengan menunjukkan kepimpinan melalui teladan, yang memaksa saya sendiri menunggang kuda,” ujarnya berseloroh.

Perdana Menteri berkata, beliau berjaya menamatkan perlumbaan walaupun pada awalnya tidak menjangka dapat menghabiskan perlumbaan yang mencabar itu.

“Ia bukan (tunggangan) yang paling jauh pernah saya buat kerana saya pernah menunggang sejauh 30 kilometer. Tetapi di sini, walaupun menunggang sejauh 17 kilometer sahaja, cuacanya panas lembap dan kita berpeluh banyak,” katanya.